



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: Memahami Lembaran Cinta Ilahi Siri 1.

Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi yang dilaksanakan secara atas talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi pada 4 Julai 2021. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Ustaz Panji Alam bin Mazhisham dari bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk Memahami Lembaran Cinta Ilahi Siri 1.

Ustaz Panji Alam telah menjelaskan bahawa al-Quran ialah kitab suci yang agung diturunkan kepada umat Nabi Muhammad SAW sebagai panduan hidup yang perlu dibaca dan dihayati pada setiap masa. Terdapat sebanyak 29 surah di dalam al-Quran yang dimulakan dengan himpunan huruf hijaiyyah. Rasulullah SAW tidak meriwayatkan sebarang hadith yang menafsirkan maksud huruf-huruf hijaiyyah yang menjadi permulaan sebahagian surah dalam al-Quran.

Namun ramai para ulama yang menyatakan bahawa melalui kaedah penelitian secara istiqra (induktif) terhadap al-Quran, huruf-huruf ini merupakan satu isyarat yang mengingatkan bahawa al-Quran ini adalah digubah dari jenis huruf-huruf yang sama seperti huruf-huruf yang digunakan oleh orang-orang Arab yang ditujukan al-Quran ini kepada mereka. Al-Quran ialah gubahan yang bermukjizat yang tidak dapat ditiru oleh mereka meskipun menggunakan huruf-huruf yang sama.

Contohnya, Surah Yasin

وَالْقُرْآنُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾

Maksudnya: Yaa, Siin. (1) Demi al-Quran yang mengandungi hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

